

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
TARIKH : KHAMIS, 16 OKTOBER 2014
RUJUKAN : L5 [PR-1323-L63807]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah pemilihan dan apakah peranan ahli lembaga penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah wujudnya cadangan untuk diadakan pemilihan ahli-ahli lembaga penasihat melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, pemilihan keanggotaan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 Peraturan-peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989. Merujuk akta tersebut, Lembaga Penasihat yang kemudian daripada ini disebut "Lembaga" yang ditubuhkan di bawah Seksyen 6 Akta hendaklah terdiri daripada-

- (a) Seorang pegawai dari Kementerian yang bertanggungjawab mengenai Wilayah Persekutuan;
 - a. Seorang pegawai dari Kementerian Kewangan;
 - b. Seorang pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri;
- (b) Dua orang ahli yang dinamakan oleh Raja dalam Mesyuarat Negeri Selangor; dan
- (c) Sepuluh orang ahli yang tidak memegang apa-apa jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam dan majoriti daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, atau selainnya mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengikut Peruntukan 6 (Akta Ibu Kota Persekutuan 1960) Lembaga Penasihat berperanan untuk menasihati Datuk Bandar mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran bandar raya sebagaimana yang ditetapkan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan perintah dan mengenai apa-apa soalan yang dirujuk kepada Lembaga Penasihat oleh Menteri atau Datuk Bandar.

Setakat ini, tiada cadangan pemilihan Ahli-ahli Lembaga Penasihat melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.